



# TIBBIans

“BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING”

PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

PERCUMA

UNTUK AHLI SAHAJA

BIL 1

RAMADAN 1425/OKTOBER 2004

## SIDANG EDITORIAL

*Penasihat:*

AHMAD BAIHAQI AZRAII

*Editor:*

AHMAD SHUIB YAHAYA

*Pengarang:*

AHMAD ZUHDI SURADIN

HAZWANI JOHARI

*Penyumbang:*

HIDIR HASSAN

SALMAN AMIRUDDIN

AHMAD MUHAIMIN MUSTAPHA

FARAH YASMIN MOHD JAIS

*Penulis Tamu:*

AHMAD YUSUF

*Terbitan:*

PERUBATAN,

Dewan Malaysia Abbasiah,

Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan. Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke: [tibbians@lycos.com](mailto:tibbians@lycos.com)

### MUTIARA

*“Ahli fikir selalu berzikir  
lalu berfikir dan berfikir  
lalu berzikir. Hingga  
ucapannya penuh  
hikmah”  
(...Al Hassan)*

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani  
*In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful*

### AHLAN WASAHLAN ILA ARDIL KINANAH

**KAHERAH**, 6 Oktober : Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah (LTAK) sekali lagi menjadi tumpuan pelajar-pelajar perubatan Malaysia di Mesir yang hadir untuk menyambut kedatangan para pelajar perubatan yang baru. Pelajar-pelajar baru tajaan JPA yang rata-rata mempunyai latar belakang sekolah agama itu terdiri daripada 8 pelajar lelaki dan 9 pelajar perempuan. Turut mengiringi mereka ialah En Yusri dari bahagian latihan JPA.

Para pelajar perubatan senior yang terdiri daripada pucuk pimpinan PERUBATAN telah berada di lapangan terbang seawal jam 10 malam lagi walaupun kapal terbang dijangka mendarat pada jam 11.15 malam. Walaubagaimanapun, berikutan terdapat masalah yang timbul, mereka terpaksa menunggu kira-kira 2 jam sebelum 'dibenarkan' menatap wajah adik-adik baru di balai ketibaan.

Sebelum itu pada sebelah petangnya, PERUBATAN telah menerima 9 orang pelajar perintis tajaan kerajaan negeri Melaka yang dijadualkan untuk menyambung pelajaran di Fakulti Perubatan Universiti Al Azhar. Para pelajar tajaan JPA ditempatkan sementara di Dewan Malaysia Abbasiah manakala pelajar-pelajar tajaan kerajaan negeri Melaka menetap di Rumah Melaka di Madinah Nasr.

## TOBLIYAH



سلام الله عليكم ورحمته وبركاته

Kesyukuran dirafa'kan kepada الله عز وجل selawat & salam kepada junjungan baginda Muhammad SAW, para sahabat dan ahli keluarga baginda.

Orang yang diberi ilmu mendapat pengiktirafan yang istimewa di sisi Allah. Firman Allah dalam surah Mujadalah ayat 11 yang terjemahannya: “Allah mengangkat orang-orang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu dengan beberapa darjat”. Mari kita sama-sama bersyukur atas nikmat kemudahan menuntut ilmu yang diberi kepada kita.

Tambahan, ilmu perubatan merupakan antara ilmu yang paling mulia (Ibn Sina). Pemiliknya didatangi oleh manusia dan nasihat pakar-pakar perubatan diambil panduan dan perhatian masyarakat. Sehubungan itu, sedarlah bahawa manusia tidak hanya mengharapkan preskripsi ubatan dan rawatan pembedahan sahaja dari pakar-pakar perubatan. Lebih dari itu, para doktor juga diharap menjadi rujukan masyarakat dalam pelbagai bidang selain menjadi *role-model* dalam kehidupan seharian.

Saya teringat peringatan yang diberi oleh Prof Madya Dr Abd Latiff Mohamed (kini presiden PPIM) bahawa profesion perubatan merupakan antara peluang terbesar untuk menyampaikan risalah dakwah kerana pengamal-pengamal perubatan akan berurusan dengan manusia.

“Beyond The Horizon Of Just Healing” menjadi motto TIBBIans. Penerbitan ini diharap menjadi tatapan pembaca agar persiapan yang mantap dapat digarap dan akhirnya dapat melahirkan kelompok individu yang dapat memenuhi harapan ummat dan masyarakat. Segala salah silap dipohon kemaafan dan semoga Allah mengampunkannya. Selamat Membaca & Mengambil Faedah!

...Editor

**Ginseng...**

Pengerusi Menulis...

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas baginda Nabi Muhammad SAW.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan qudrat dan iradatNya kita dipanjangkan umur untuk sampai ke bulan Ramadhan yang penuh barakah ini. Bulan yang disajikan dengan rahmat di awalnya dan maghfirah di pertengahannya serta dielakkan dari api neraka untuk hari-hari terakhirnya. Mudah-mudahan bulan ini menjadi titik untuk kita untuk sama-sama melakukan perubahan besar dalam diri kita.

Menyentuh tentang kemunculan sulung risalah ini, kita perlu bersyukur kerana risalah ini dapat disiapkan dalam masa yang telah dirancang. Kemunculan ini perlu dijadikan titik permulaan untuk kita bergerak lebih jauh dan sokongan ahli dalam bentuk tulisan amatlah diharapkan. Sabda Rasulullah SAW;-

بلغو عني ولو آية

Segala tulisan yang berbentuk ilmiah dan dakwah mudah-mudahan diberi ganjaran oleh Allah SWT. Akhirnya sama-samalah kita berdoa agar Ramadhan kali ini diterima Allah SWT dan mudah-mudahan segala usaha kita diberkati dan dirahmati.

بقلم البجري

abaihaqi@hotmail.com



**BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR**

**Ringkasan:** PERUBATAN

**Motto:** التقوى الشفاء الرحمة

(Ketakwaan, Penyembuhan, Kerahmatan)

**Naungan/Pendaftaran:** Jabatan Penuntut Malaysia, Kaherah (JPMK)

**Penubuhan:** tahun 2001 (asalnya dikenali sebagai Jawatankuasa Sambutan Pelajar Perubatan) – ditukar menjadi PERUBATAN pada 2003

**Keahlian:** Semua pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut dalam bidang perubatan di universiti-universiti Mesir.

**Bilangan Ahli :** 80 orang (setakat Mesyuarat Agong – Oktober 2004)

**Objektif Organisasi:**

1. Menjaga kebajikan para ahli
2. Mengukuhkan kesatuan hati dan paduan suara antara ahli
3. Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk ahli khususnya dan seluruh penuntut Malaysia amnya.
4. Menjalin hubungan dengan organisasi (tempatan & antarabangsa)

**Siri Kedua****(Artikel ini diolah dari fasal pertama buku "الطبيب أدبه و فقهه" )**

oleh: wild\_sirocco@yahoo.com

وما بعثت لأتتم مكارم الأخلاق

**Tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak**

Dalam bahagian yang pertama, telah dinyatakan beberapa kesan dari kelemahan manhaj pendidikan perubatan yang divedok dari barat. Pada bahagian kedua ini, Dr Al-Barr telah menggariskan manhaj pendidikan Islam dalam melahirkan doktor dari segi akhlaknya dan pergaulannya.

Persoalan mengenai manhaj Islam boleh disimpulkan dalam dua perkara yang utama sahaja iaitu

- 1- Menyediakan satu perspektif hidup yang sempurna
- 2- Membentuk peribadi doktor yang berakhlak mulia

Pada kali ini dinyatakan terlebih dahulu mengenai perkara berkenaan dengan perkara yang pertama iaitu **'Perspektif hidup yang sempurna'**

□ و ما خلقت الجن و الانس الا ليعبدون □

Dan tidak Aku (yakni Allah) menciptakan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah Ku.

Sesungguhnya ayat ini menyimpulkan matlamat utama dalam penciptaan makhluk iaitu untuk beribadah kepada Allah. Sebahagian daripada jujuk ibadah itu sendiri ialah membangunkan segala kejadian alam ini dengan apa yang dikehendaki oleh Allah dan diistilah oleh Dr Al-Barr dengan *عمارة الكون*. Sekalian manusia dijadikan dengan suatu sebab yang mudah dan ringkas iaitu untuk ubudiyah dan manusia dituntut untuk melaksanakan ubudiyah itu melalui amalan-amalan yang soleh dan hubungan sesama manusia yang dilandaskan atas kebaikan dan mahabbah.

Said Qutb dalam mensyarahkan ayat ini mengatakan bahawa:

' sesungguhnya nas yang pendek ini mengandungi hakikat yang padat dan lengkap . Dan diantara hakikat kejadian itu ialah kehidupan manusia ini tidak akan dibiarkan berlangsung tanpa manusia tidak mengetahui tujuan kehidupan mereka samaada bersendirian, berjemaah mahupun dalam setiap apa jua peranan dan detik dalam kehidupan tersebut. Maka oleh itu jelaslah bahawa makna ibadah yang merupakan matlamat kewujudan manusia ini dan yang menjadi tugas utama manusia yang paling utama adalah lebih luas dan sempurna daripada syiar atau lambang semata-mata. Sesungguhnya tugas khilafah merangkumi dalam erti kata ibadah dan hakikat ibadah itu terdiri daripada dua perkara yang utama:

**Pertama:**

Menanamkan makna ubudiyah kepada Allah dalam jiwa iaitu dengan menanam rasa bahawa disana ada yang dinamakan hamba yang menyembah dan Tuhan yang disembah

**Kedua:**

Menghalakan segala perkara yang dilakukan dalam kehidupan dan gerak kerja kita kerana Allah dengan keikhlasan yang sebenarnya. Apa jua perkara yang dilakukan dengan tidak dihalakan tujuannya kerana Allah maka itu tidak termasuk dalam pengertian ubudiyah kepada Allah.

Dengan perkara diatas, maka jelaslah makna ibadah yang sebenar dan menjadilah segala amal seperti membangunkan bumi Allah, bersabar dengan kesusahan dan redha dengan taqdir Allah itu sebagai **ibadah**. Semua itu adalah pembuktian kepada tugas utama yang menjadi sebab penciptaan jin dan manusia iaitu untuk beribadah.<sup>1</sup>

Kadang-kadang ada diantara kita yang beranggapan bahawa ibadah adalah terhad kepada pelaksanaan syiar semata-mata (seperti solat, membaca Quran, zikir). Sebenarnya apa jua amal yang didirikan oleh manusia dengan menghubungkan amalan itu kerana Allah maka hendaklah kita ingat secara langsung firman Allah di atas agar segala gerak geri kita terhalu dan terarah kepada makna ubudiyah.

Sekiranya erti ubudiyah itu hanya terhad kepada pelaksanaan syiar maka ubudiyah kita pada Allah tidak lebih daripada beberapa ketika sahaja dalam kehidupan kita. Tetapi yang dikehendaki ialah segala bentuk amal kita hendaklah diniatkan untuk mendapat redha Allah dan bentuk amal itu dijadikan sebab untuk mendapat redha Allah.

Kesimpulannya , perspektif hidup yang lengkap yang dikehendaki ialah dengan merangkumkan segala kelebihan yang kita lakukan dalam suatu ikatan yang dapat menyambungkan segala bentuk, kelebihan tersebut. Dalam hal ini , Al-Quran telah menetapkan ikatan yang merangkumkan segala kelebihan itu dengan kalimah *البر*

قال الله سبحانه:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى  
وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ  
بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ  
صَنَّفُوا وَاُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

(Surah AlBaqarah 2:177)

<sup>1</sup> Rujuk tafsir said Qutb jika ingin memahami tafsir ayat yang ingin disampaikan oleh said Qutb , terjemahan diatas telah diolah dan diringkaskan

**PROLOG: FIQH PAKAR PERUBATAN ISLAM**

oleh: HAMADA el-Misriey- *intelek@lycos.com*

Islam merupakan “cara hidup” yang syumul (lengkap). Justeru, semua permasalahan hidup tidak mungkin terkecuali dari panduan dan ketetapan syarak. Segala aspek kehidupan tercakup dalam Ad-Deen (way of life) termasuklah aspek perubatan.

**MAQASID SYAR'IE**

Maqasid syar'ie bermaksud kepentingan yang diberi tumpuan utama dalam menentukan hukum-hukum syarak. 5 aspek yang menjadi kepentingan tersebut adalah:

1. Menjaga agama
2. Menjaga nyawa
3. Menjaga akal
4. Menjaga harta
5. Menjaga keturunan

Sesuatu tindakan yang dilakukan, tanpa mengambil kira kelima-lima aspek tersebut, akan menjerumuskan pelakunya kepada kemusnahan. Kepentingan-kepentingan ini berkait rapat dengan proses kehidupan manusia.

**TUNTUTAN MEMELIHARA KESIHATAN & BERUBAT**

Sabda Rasulullah: لا ضرر ولا ضرار - *Tiada kemudaratan dan tidak boleh memudaratkan orang lain* (hadith riwayat Malik bin Anas dalam Muwatta')

Dia antara bentuk memudaratkan diri adalah membiarkan penyakit berbahaya yang dihadapi tanpa mengambil sebarang rawatan. Sabda Rasulullah:

لكل داء دواء فاعبأ الصيب دواء الداء برئ بآء ذن الله

*Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila ubat itu berjaya mengalahkan penyakit, berlakulah kesembuhan dengan izin Allah.*

(Hadith riwayat Muslim -2204 daripada Jabir bin Abdullah)

**KONTEMPORARI معاصرة**

Dunia perubatan telah melalui kepesatan yang amat ketara. Teknik-teknik diagnosis, rawatan mahupun pencegahan yang terkini sentiasa dicipta. Kebanyakan teknik kemajuan tersebut tidak terdapat di zaman Rasulullah dan salafus soleh (golongan muslimin yang awal) jadi tidak ditetapkan dan ditulis dari segi hukum syariah oleh ulama-ulama yang awal. Dalam masa yang sama, syariah Islam bukanlah berbentuk jumud dan sempit justeru tidak boleh menghukum perkara-perkara kontemporari seperti ini.

Teknik-teknik seperti Pemandahan Organ, Pengklonan, Permanian Beradas, Bedah Siasat, Penggunaan Najis dan sebagainya memerlukan penelitian para ulama mujtahid agar aspek-aspek kepentingan yang lima terjaga sekaligus saranan Rasulullah agar kemudharatan dihindarkan, dapat terealisasi seiringan. Selain itu, hukum-hukum Islam yang telah tetap terutamanya yang berkaitan dengan ibadah seperti solat, puasa dan sebagainya tidak boleh dipandang remeh meskipun dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai mahupun dalam keadaan terdesak (misalnya dari segi perubatan, ketika dalam sakit, koma, pembedahan dan sebagainya).

Untuk tujuan menentukan kedudukan hukum, antara kaedah penting yang telah digaris oleh ulama adalah:

الحكم على الشيء فرع عن تصوره

Kaedah tersebut secara ringkasnya menjelaskan bahawa untuk mendapatkan sesuatu hukum syarak, perkara yang hendak dihukumkan itu perlu dikaji dan difahami terlebih dahulu hakikatnya. Sebagai contoh, untuk menentukan hukum pemindahan organ, perlu terlebih dahulu difahami kaedah, risiko, kepentingan, kesan sampingan dan sebagainya. Kaedah ini menunjukkan betapa telitinya Islam menghukum sesuatu perkara, halal haram serta syarat-syaratnya.

Menjadi keperluan kepada para ulama yang ingin membahaskan hukum-hukum tersebut untuk memahami asas bentuk sesuatu masalah itu, misalnya dengan cara mempelajarinya dari pakar dalam bidangnya (pakar perubatan bagi isu-isu perubatan).

**PEMAHAMAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN**

Sukatan pembelajaran kita di fakulti perubatan tidak menekankan tentang aspek syarak (halal, haram, syarat dsb) sebaliknya hanya mengajar kita 'perubatan' semata-mata perubatan tanpa memandangnya sebagai salah satu dari aspek kehidupan syumul yang dibawa oleh Islam. Sebaliknya, pemahaman tentang hukum-hukum syarak dalam mengamal perubatan (bahkan apa-apa jua bidang) adalah wajib bagi memastikan para pengamal perubatan dan pesakit tidak terlibat dalam perbuatan yang diharamkan oleh Allah. Kaedah fekah menyebut:

ما لا يتم الواجب الا به , فهو واجب yang bermaksud: Sesuatu yang tanpanya tidak akan terlaksana yang wajib, maka ianya juga wajib.

Kesimpulannya, bagi memastikan kemurnian segala perbuatan kita (terutama sebagai pengamal perubatan) di sisi agama, maka menjadi kewajipan bagi kite mendalami beberapa perkara seperti disebut oleh Dr. M. Ali Albar:

1. Hukum hakam fekah asas yang khusus untuk ibadah seperti 'bersuci', 'solat', 'puasa' serta cara pelaksanaannya dalam keadaan sakit.
2. Sedikit sebanyak hukum-hukum fekah yang ada kaitan dengan tugas dalam bidang perubatan.
3. Kesimpulan dari pandangan serta fatwa ulama terhadap isu-isu perubatan kontemporari yang berbangkit.

Insyallah ruangan ini akan diusahakan bagi menyediakan sedikit sebanyak asas pemahaman yang disebut di atas serta diharap akan menjadi kunci kepada kajian dan usaha seterusnya ke arah memantapkan lagi pengetahuan dalam bidang ini. Semoga usaha bagi melahirkan pakar-pakar perubatan Islam yang mengamalkan AdDeen secara syumul, menjadi realiti, dengan izin Allah.

**Rujukan:**

- لطبيب أدبه وفقهه - Dr M. Ali Albar
- Bayi Tabung Uji Menurut Pandangan Islam, Hairun Nizam Mat Husin

## FAHAMI ISLAM SECARA SEMPURNA

Tulisan: Ahmad Muhaimin Mustapha

Islam merupakan agama terakhir sebagai pelengkap kepada semua ajaran nabi-nabi sebelum ini. Rasulullah SAW sebagai nabi yang diutuskan telah mengajar kesyumuluan Islam selama 23 tahun dakwah baginda saw. Namun hanya sekitar 1400 tahun yang menjarakkan kita dengan generasai cemerlang dan gemilang para sahabat, telah menyaksikan penyelewengan demi penyelewangan yang telah menjauhkan kita daripada hakikat asal Islam.

### Taarif Islam.

Realiti masyarakat hari ini masih keliru bila kita masih memperkatakan mengenai Islam. Seolah-olah Islam pada kaca mata mereka sekadar solat, puasa, dan zakat. Dalam satu hadis daripada Ibnu Umar r.a., nabi saw bersabda : *"sesungguhnya Islam dibina di atas lima perkara : syahadah bahawa tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad SAW hambaNya dan rasulNya, mendirikan solat mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa bulan Ramadan"* (muslim dan tarmizi). Said Hawwa menegaskan bahawa lima perkara ini merupakan fokus atau asas Islam, bukanlah keseluruhan Islam.

Banyak lagi jawapan yang diberikan nabi saw bila ditanya mengenai agama suci ini. Antara lainnya hadis *"al-hajjul arafah"* hadis ini bukanlah bermaksud haji terbatas sekadar wukuf di Arafah, namun ianya tetap memerlukan kepada ibadat lain seperti tawaf melontar jamrah dan sebagainya. Apa yang dimaksudkan oleh baginda saw ialah kemuncak atau symbol ibadat haji tersebut. Jesteru fahamilah keindahan Islam melalui seluruh isi kandungan Al-Quran dan Hadis Nabi saw.

Jelas kepada kita bahawa Nabi saw bila ditanya apakah yang dimaksudkan dengan Islam, telah memberikan jawapan yang pelbagai kepada penyod. Juga ulama' memberikan taarifan yang bermacam. Apa pun yang dinyatakan perlulah digabung jalinkan semua definisi ini untuk memperlihatkan kesyumuluan Islam.

Said Hawwa mentaarifkan Islam dengan, *"menyerah diri kepada Allah kepada suruhan dan larangan, dan semua ini berdasarkan kepada wahyu, sesiapa yang menyerahkan hati dan anggota kepada Allah pada setiap perkara maka dia adalah muslim"*. Walaupun taarif yang ringkas namun kita masih jauh daripada hakikat penyerahan diri ini. Penyerahan yang dimaksud kita dengar, patuh, taat dan melaksanakan segala arahan dan larangan tanpa sebarang alasan.

### Punca salah tafsir kepada Islam.

Antara punca utama timbulnya salah tafsir kepada Islam ialah kejahilan umat Islam sendiri. Ramai yang mengaku sebagai muslim tapi masih ramai yang tidak tahu solat, apatahlagi hendak mendalami ilmu agama.

Timbulnya provokasi di kalangan masyarakat Islam sendiri bila ada segolongan masyarakat yang ingin medalami ilmu agama dengan mengatakan untuk apa kita dalam lagi ilmu agama cukuplah dengan kita tahu mendirikan solat, soal yang selebihnya kita serahkan kepada golongan agamawan.

Nilah fikrah **sekularisme** yang telah membarah dalam jiwa umat Islam. Seolah-olah kita tidak pernah meneliti kehebatan para sahabat, dan ulama silam. Bagaimana dengan Abdul Rahman ibnu Auf adakah perniagaan menjarakkan dia untuk memahami Islam dan berjihad? Ibnu Batuttah yang megelilingi dunia adalah seorang ulama, dimana tempat yang disinggahi, beliau dilantik menjadi kadi. Belum lagi kita perikatakan mengenai Ibnu Sina, Ar Razi, Al Khindi dan mungkin contoh untuk masa sekarang Dr. Zaghul Najjar, Dr Mohd Ali al-Barr dan sebagainya.

Sekularisasi masyarakat kristian yang telah memisahkan agama kristian dengan ilmu sains telah menular dalam hati dan sanubari orang Islam. Bahkan lebih teruk! Ramai yang terkesan, ditambah lagi dengan kudis kapitalis dan sosialis yang dianut sebagai agama. Walaupun secara kasarnya kita menolak fahaman ini, namun muhasabahlah diri bimbang sedikit sebanyak kita terpalit.

Perdana Menteri Inggeris Galdestone telah memegang dan menunjukkan al-quran dalam ucapannya di Dewan Perwakilan Rakyat, dia menegaskan, *"selagi umat Islam masih bepegang dengan kitab ini, selama itulah kita tidak dapat menguasai mereka. Oleh yang demikian kita hendaklah menyusun perancangan untuk memisahkan meerka dari kitab ini."*

Orientalis seperti Stanford Raffles, Snouk Hurgronje, Samuel M. Zwemmer dan Lord Crommer antara yang arif tentang kekuatan umat Islam. Jesteru melarikan kita daripada Al-Quran adalah matlamat utama yang akan menatijahkan kelemahan Islam. Mengaku atau tidak kita cukup terkesan dengan kerja-kerja orientalis dan zionis. Kesan hiburan, sukan dan gaya hidup yang jelas membuktikan dari hari ke hari Islam menjadi sesuatu yang asing di kalangan penganutnya..

### Islam mana yang kita seru

Kita ingin menyeru seluruh umat Islam kembali kepada Islam yang sejati tanpa menjujuk-juzukkan sistem yang mulia ini. Sesuai dengan apa yang telah diperkatakan oleh Imam Hassan al-Banna:

Bersambung ke muka 11


**Sirah Nabawiyah:****KHABAR AL-IFK (BERITA FITNAH)**oleh: Salman Amiruddin *namlas\_82@yahoo.com*

Sumber: Fiqh Sirah Dr. Muhammad Said Ramadhan Al-Buti

**Di** dalam perjalanan pulang dari peperangan Bani Mustaliq(5H), tersebar satu berita fitnah yang dahsyat di kalangan kaum muslimin yang di cetuskan oleh kaum munafiqin. Di riwayatkan dari Saidatina Aisyah radiallahu'anha: Aku telah keluar bersama-sama Rasulullah s.a.w di dalam peperangan ini. Setelah Rasulullah s.a.w selesai dari peperangan itu dan beredar pulang, baginda mengarah supaya berangkat pada malamnya. Aku keluar dari tempatku untuk hal diriku. Bila aku balik semula ke kenderaan, aku meraba dadaku dan ku dapati rantai leherku telah terputus. Aku kembali ke tempat tadi dan lama juga ku habiskan masa untuk mencari rantai leherku yang terputus.

Mereka yang bertanggungjawab membawa kenderaanku mengangkat sekuduk (tempat duduk isteri Rasulullah) dan terus meletakkannya di atas unta. Kesemuanya itu berlaku setelah turunnya ayat al-hijab, di mana mereka menyangka aku berada di atas sekuduk tersebut. Mereka mengambil unta dan terus berjalan. Setelah beberapa lama tentera Islam berlalu, baru ku ketemu kembali rantaiku itu. Aku kembali ke tempat tentera itu berhenti dan ku dapati tidak ada sesiapa lagi di situ. Lalu aku ke tempat yang mula-mula aku singgah, kerana aku menyangka mereka akan mencari aku dan kembali ke tempat persinggahanku ini.

Ketika itu, Sufian bin Al-Mu'tal berada di bahagian belakang tentera, sampai ke tempat persinggahanku. Dia melihat lembaga badan manusia dan dia mengenalku kerana beliau pernah melihatku sebelum memakai hijab. Ketika itu mataku mengantuk dan aku terlena. Aku tersedar dari tidur bila beliau menghampiriku dan beliau mengenalku, lantas ku terus menarik tutup mukaku. Demi Allah tidak sepele pun kami bercakap, dan tiada apa yang ku dengar darinya.



Beliau mendudukkan kenderaannya lantas ku bangun dan menaikinya. Beliau terus menuntun unta hingga kami sampai mengikut semula tentera Islam di tengahari dengan keadaan mereka turun dari kenderaan mereka. Maka rosaklah mereka yang telah bekerja menabur fitnah terhadap diriku yang mana ianya di kepalai oleh Abdullah bin Ubai bin Salul.

Saidatina Aisyah menceritakan lagi: Setelah sampai di Madinah, aku terkena demam panas, manakala manusia ramai menggemburkan berita fitnah ini sedangkan aku tidak sedar sesuatu pun mengenai perkara itu. Namun demikian, aku tidak dapati dari Rasulullah s.a.w selain dari lemah-lembut seperti biasa bila aku mengadu hal demam aku. Bila baginda masuk menemui ku, baginda memberi salam dan bertanya: Bagaimanakah keadaanmu hari ini?

Setelah aku sembuh dari demam, pada suatu malam aku mengqada' hajat di temani oleh Ummu Misthah. Ketika itu kami tidak menggunakan tandas lagi. Apabila aku kembali kepadanya, lantas beliau menyebut: Binasalah Misthah. Lalu aku menjawab: Tidak elok apa yang kamu katakan, kenapa kamu mencela lelaki yang menyertai peperangan Badar? Lalu Ummu Misthah bertanya: Tidakkah kamu mendengar apa yang telah di perkatikan tentang kamu. Beliau menceritakan perbuatan mereka yang menaburkan fitnah itu. Ini menyebabkan kesakitanku bertambah dan aku menangis hingga waktu subuh tidak berhenti-henti dan aku tidak mampu untuk tidur lena.

... Bersambung ke siri seterusnya, insyaAllah



A professor of medicine asked a student about what dosage of a particular drug should be administered to a patient. "20 mg sir", replied the student confidently. But a minute later he raised his hand diffidently. "Professor," he gulped, "about the question of yours...I think the answer should be 5 mg.". "Don't bother young man," broke in the professor, glancing at his watch. "Your patient has already been dead for thirty seconds!".

This column is written to present the correlations studies between The Quran, Hadith & Modern Embryology. Most of the texts are adapted from "**The Developing Human (3<sup>rd</sup>) With Islamic Additions**" by Keith L. Moore & Sheikh Abdul Majeed AzZindani & "**Human Development as Revealed in the Holy Quran & Hadith**" by Dr. Mohammed Ali Albar and also other references that will be stated following each volume.

By HAMADA el-Misriey, [intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com)

Introduction:

## Embryological Data In Quran & Hadith

*(Adapted from Introduction To Islamic Additions of the book: The Developing Human (3<sup>rd</sup>) With Islamic Additions)*

There are many references in the Quran and the Hadith of Prophet Muhammad (peace be upon him) to indicate signs of Allah in His creatures. The Quran and Hadith on many occasions encourage man to examine and think deeply about Allah's creation. Modern investigations using modern techniques, in the several fields mentioned in the Quran and the Hadith, have yielded surprisingly similar results. In essence there is an agreement between explicit statements in Quran, the Hadith, revealed 1400 years ago, and present day facts which have been proved by scientific evidence.

The attention of Muslim and non-Muslim scientists was drawn to this amazing agreement between Qur'anic texts and the Hadith on one hand and proven scientific facts on the other. After a study which lasted ten years, the famous French physician, Maurice Bucaille had addresses the French Medical Academy in 1976 and expressed the complete agreement of The Quran & The Hadith and the findings of modern science. He posed the question to the Academy to explain this observation. The only explanation which was produced by unbiased scientists was that Quran must consist the word of Allah and His knowledge. In this series of additions, we give some comparative researches in the field of embryology for Muslim scientists and place them before the international community of scientists in academics, universities and institutions of research.

It is expected that many will be amazed as many were amazed before them. This astonishment will increase when it is learnt that the above observation was revealed in the Quran:

*Soon will We show them our signs in the (farthest) Regions (universe) and in themselves until it becomes manifest to them that this is the Truth. It is not enough that your Lord is witness on all things?*  
(Surah Fussilat, 53)

Embryologist will be surprised to find in the Qur'anic texts, revealed to Prophet Muhammad (peace be upon him) 1400 years ago, and in his Hadith, information on the stages of development of the embryo. The most comprehensive terminology is used to refer to each stage and the sequence is accurately and constantly recorded.

The Qur'anic revelations were preserved word by word and letter by letter without any alteration. The Hadith has also been recorded and preserved by the will of Allah by men who used the strictest of methods for recording the traditions of Prophet Muhammad (peace be upon him).

Science has come across many historic controversies with religions where the clergy had put their views and related it to God. It was Allah's revelations to scientists that proved to them these misconceptions and elucidated the truth of His own words. Those who had controversy with particular religions had not considered the "whole religion" and therefore had to live with uncertainties of limited human knowledge which is still growing day after day.

Those who are believers in science and knowledge, open their hearts to the truth which can be proven by scientific method. We are all promised by Allah that He will show us His miracles.

*"And say: Praise be to Allah, Who will soon show you His Signs, so that you shall know them"*  
(Surah AnNaml, 93)


## SUCCESS RIFF

By: helter skelter. fy5356@yahoo.com

**There's a very simple reason why people say learning is one of the noblest pursuit a human can undertake, it is because it's true. In order to succeed in this mission you need to have a few tricks up your sleeves. Here are some of the war tactics we've come up with to help you along.**

### 1. Be interested

Sometimes this may seem impossible. How, you ask, can anybody be interested in the metabolism of tryptophan? Surely not. However, by realizing that every subject you are studying is directly related to your own body's inner workings, interest will arise. If you are interested in the fact that, the bones in your hands are metacarpals and your bone fingers is phalanges, you will remember it. If you want to smoothen your path to success, you will have to change. Find something of interest in every subject you study. If sports is your thing, tell yourself that knowing how to calculate how many ATP is produced by a molecule of glucose will help you run faster in the field.



### 2. Pay attention to your lecturers.

Whatever may be said about the state of education in Egypt, it remains true that we have some amazing lecturers here. We have lecturers who, despite their relatively poor pay and rather undesirable job conditions, are dedicated, experienced, competent and sincerely love teaching. Let yourself be taught. Your lecturers know their job, and they can help you learn.

### 3. Understand the requirements of each subject.

Different subjects demand different things from you. It is highly possible that you can study histology 2 weeks before the final exam, but if you try that with anatomy or physiology, you are suicidal. Depending on your interest and the way you think, different subjects will present different challenges to you. You'll save immeasurable time and effort if you can understand what each subject demands from you, so that you may work on fulfilling these demands intelligently. For instance, it's no use trying to complete MCQ Pharma exercises if you haven't studied a thing about it, but repeated practice with psychology question collection does help, even if you haven't bought the department book.

### 4. Strive for understanding.

When all is said and done, we're going to university to learn. All these exams and classes are aimed at one thing, learning. If you keep your mind on this, you won't find it magically easier to study, but at least you'll know the purpose of studying. So that, even if you don't understand a word the doctor said today, you will still go to his lecture tomorrow and the days after that, with the confidence that you will improve by time. In short, please don't skip lectures!

### 5. Just do it.

Study. Just study. When you find yourself staring into space with nothing better to do, get a book, get a pen, sit down and study. You may have heard this statement a hundred times before, but consistent studying IS the key. Maybe you just don't have the self-discipline to study as much as you should, that's alright, just do as much as you can and try to increase the time spent studying everyday. Don't get stressed up, it won't help. Just make it a part of your daily routine, you won't regret it.

### 6. Make friends.

Don't restrict your social circle, there are many kinds of friends you need. Friends who speak Arabic or English or both. Friends who are alert of new notes and extra classes. Friends who are non-Egyptians. Don't be shy to ask your friends for help, they are here to make your life easier.

### 7. Close relationship with Allah.

This point doesn't need much elaboration. We all know what is needed from us, humble slaves that we are. The final decree is with Allah. Keep in mind that every deed you do, is to serve Him.

In the end, education is a life-long process. You never stop learning. Even if you didn't pass your final exam, or passed but without flying colours, it doesn't mean that you are not intelligent, or that your life is ruined. You pick up the pieces, you go on, you learn new things and try harder next time. Don't let your life revolve around studying, let studying revolve around you. Whatever society, your sponsors or your parents say, learning is more important than mere academic success. Even if "mumtaz" doesn't come your way, learning will enrich your life.

***Janganlah kau campuri (bergaul) manusia kecuali kau dapati pada pergaulan itu, perkara yang mendekatkanmu kepada Allah***  
 ....Habib Ali Al-Haddad



Firman Allah s.w.t.:

إن الدين عند الله الإسلام

Maksudnya: "Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam"

## **INDAHNYA ISLAM:**

### **agama yang satu, agama penyatu**

Sumbangan: *Ustaz Ahmad Yusuf, BA (Al-Azhar)*

Ustaz Ahmad bin Yusuf....

Ayat ini amat jelas menunjukkan ketunggalan Islam sebagai satu-satunya agama yang diterima oleh Allah s.w.t. Ini bermakna agama yang lain daripadanya langsung tidak akan diterima Allah. Perkara ini merupakan aqidah setiap umat Islam. Justeru, tidak sepatutnya ada seorang yang mengaku muslim, menyamakan Islam dengan agama-agama yang lain, walaupun agama-agama yang dikatakatakan sebagai agama langit.

Namun, musuh-musuh Islam sentiasa berusaha agar aqidah ini dilupakan oleh umat Islam. Kalau tidak mampu menjadikan mereka lupa sekalipun, paling kurang mereka longgar dengan aqidah *barra'* ini. Pelbagai teori dan slogan dicipta oleh musuh Islam untuk tujuan ini. Kebangsaan dan persaudaraan manusia antara slogan yang biasa digunakan. Yang sedihnya, slogan seumpama ini telah merasuk sebilangan umat Islam, lebih-lebih lagi mereka yang mendapat pendidikan di barat.

Sungguhpun begitu, kepercayaan serong tentang Islam sebagai agama yang satu, dirasakan tidaklah mampu menyelinap masuk dengan mudah ke dalam pemikiran mereka yang berpendidikan Islam. Namun, teori Islam sebagai agama penyatu pula seakan-akan kurang dihayati oleh sebilangan daripada mereka.

Islam memang agama penyatu. Begitulah juga, ia agama yang bencikan perpecahan. Ini jelas dibuktikan oleh sejarah awal Islam. Dua puak Arab di Yathrib yang sentiasa bertelagah dan menumpahkan darah, berjaya disatukan oleh nabi Islam, Muhammad s.a.w. Dengan penyatuan yang dilahirkan oleh Islam inilah, baginda mampu membina sebuah negara Islam, bahkan tamadun yang unggul sehingga diiktiraf oleh kawan dan lawan. Begitu jugalah, Islam melarang umatnya bertelagah dan berpecah pelah. Buktinya, dalam surah al-Anfal, Allah s.w.t. melarang umat Islam daripada berpecah belah. Firman Allah:

وأطيعوا الله ورسوله ولا تنازعوا فتفشلوا وتذهب ربكم واصبروا إن الله مع الصابرين

Maksudnya: "Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya dan jangan bertelagah, kelak nanti kamu akan gagal dan hilang kekuatan, juga bersabarlah. Sesungguhnya Allah bersama-sama golongan yang sabar"

Ayat tersebut terbukti kebenarannya. Apabila umat Islam berpecah belah, masing-masing serakah dengan kuasa dan harta, akibatnya mereka lemah lantas tanah-tanah air mereka dikuasai dan dijajah oleh musuh Islam. Kejatuhan kerajaan Islam di Andalus merupakan contoh terbaik untuk menerangkan perkara ini.

Justeru, umat Islam hari ini perlu mengambil berat kedua-dua perkara ini. Mereka perlu ada aqidah *barra'* yang kental disamping menghayati roh Islam sebagai agama penyatu. Setakat hanya melaung-laungkan slogan "Islam agama tauhid" tetapi tidak dihayati dan diterjemahkan dalam tingkah lalu, tidak memadai. Oleh yang demikian, umat Islam perlu bersatu, memperkukuhkan hubungan ukhuwwah islamiah, tidak memencilkan diri, saling teguh meneguhkan dan sebagainya perkara yang mampu menjelmakan Islam sebagai agama penyatu. Sekiranya ini berjaya dilaksanakan, akan terpancarlah keindahan Islam.

#### ***Did You Know?***

Ibn Sina or universally known as Avicenna (980-1037) wrote 246 books including **القانون في الطب** (*The Canons Of Medicine*) which was the chief guide for medical science in the West from the 12<sup>th</sup> to the 17<sup>th</sup> century.



قال ابن سينا: علم اطب : حفظ الصحة, براء

مرض, وهو من أجل العلوم وأنفعها

"ILMU PERUBATAN merupakan Penjagaan Kesihatan, Rawatan Penyakit dan merupakan ilmu terbaik dan paling bermanfaat"

...Ibn Sina



## HADITH

وعن أنس رضي الله عنه , قال : قال رسول الله (ص) : طلب العلم فريضة على كل مسلم , ووضع العلم عند غير أهله كمقلد الخنازير الجواهر واللؤلؤ والذهب . رواه ابن ماجه , وروى البيهقي في "شعب الايمان" إلى قوله "مسلم" .

..Hadith ke 218 dari kitab مشكاة المصابيح

Daripada Anas r.a. katanya, Rasulullah SAW bersabda: Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap muslim, Dan meletakkan ilmu kepada yang bukan ahlinya sama seperti mengalungkan batu permata dan emas kepada babi!.

إن المعلم والطبيب كلاهما لا ينصحان إذا هما لم يكرما  
فاصبر لدائك إن جفوت طبيها واقنع بجهلك إن جفوت معلم

*Sesungguhnya GURU & DOKTOR, kedua-duanya,  
Tidak akan menasihati manusia, selagi mereka belum dimuliakan,  
Sabarlah dengan penyakitmu jika kau 'lemparkan' doktornya,  
Puas hatilah dengan kebodohanmu jika kau 'lemparkan' seorang guru.*

... Sambungan dari muka 5...

"Islam ialah sitem hidup yang syumul mencakupi seluruh fenomea kehidupan. Maka ia adalah negara dan tanah air atau kerajaan dan ummat, akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan kebudayaan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman material dan kebendaan atau usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah atau tentera dan fikrah. sepertimana ia adalah akidah yang sebenar dan ibadat yang sah tanpa ada bezanya".

Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr Yusuf AlQaradawi "Islam yang kita seru kepadanya ialah Islam yang sempurna yang kita ambil tanpa tambahan dan tanpa pengurangan kita tidak mengambil satu juzuk dan meninggalkan juzuk yang lain.

Firaman Allah SWT "...pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu ....."

...al-Maidah: ayat 3

Islam kita adalah Islam salafi, amalan kita adalah amalan sufi. Tiada bezanya antara amalan zahir dan amalan hati, kedua-duanya saling lengkap melengkapi. Masih ramai antara kita yang berasa pelik bila memperkatakan mengenai ekonomi Islam, hukum Islam, pemerintahan Islam, bahkan jihad yang difadrukan dilihat sebagai satu kekejaman yang patut dihentikan. Adakah kita hendak menjadi seperti kaum yahudi yang menjuzukkan agama mereka sehingga ditimpa kepada mereka kehinaan hidup di dunia dan akan diazab di akhirat kelak.

## Penutup.

Kembalilah kepada Islam para salafu solleh, bukan sekadar pada i'tiqad bahkan kepada amalan, ibadat dan perilaku seharian yang menunjukkan keunggulan Islam sebagai agama di sisi Allah SWT. Fahami Islam melalui keseluruhan isi Al-Quran dan Hadis. Yakinilah bahawa Islam sebagai satu sistem kehidupan.

Rujukan.

1. Islam fikrah harakah dan daulah
2. Al-Islam alazi nadue ilaihi – Dr Yusuf AlQaradawi
3. al-Islam –Said Hawwa
4. Penjelasan Di Sekitar Risalah Taalim.

**BENARKAH???**

Anatomi berasal dari Mesir?

Bangsa Mesir kuno merupakan antara bangsa terawal yang telah mempraktikkan pembedahan ke atas mayat. Mereka membelah mayat-mayat untuk mengeluarkan saluran pencernaan supaya kemudiannya boleh diawet (mumia).

Dr. Danial bin Zainal Abidin

صنع في مصر MADE IN EGYPT

**Asal:** Sg. Ara, Pulau Pinang**Pendidikan:**

S.R Jelutong

S.M. Jelutong

Penang Free School

**Fakulti Perubatan, Universiti Iskandariah.****(M.B.Ch.B 1981)****Keluarga:**

Isteri-isteri:

--Dr. Arba'ai Hj. Mahbar

--Pn. Siti Salmiyah Hj. Hashim

Anak: 8 orang

**Penglibatan:**

-Pengamal Perubatan klinik swasta sejak 1987

-Pengerusi Kariah Sg.Ara 1996-2000

-Pengarah Urusan **Danial Zainal Consultancy(M) Sdn Bhd** sejak 2001 (memfokuskan bidang penyelidikan, perbandingan agama, motivasi, Islam dan sains serta Islam zaman kontemporari)

-Pengendali slot Rangsang Minda &amp; Islam Moden di Radio Malaysia Pulau Pinang sejak 1993

**Kitab-kitab penulisan:**

Konsep Perubatan Islam (1&amp;2), The Misunderstood Religion, Bahan Berdakwa Untuk Remaja Moden, Kit Kombat Islam, Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden, Bukti-bukti Sains &amp; Sejarah Kerasulan Muhammad SAW, Empayar Minda Muslim, 7 Formula Individu Cemerlang.

**Laman Peribadi:** [www.formulacemerlang.com](http://www.formulacemerlang.com) (wajib dilayari!!!)**!!! لوسمحت****MALAM 1 SYAWAL:**

Iftar + Takbir Jam'ie di rumah Us. Fawwaz Fadzil.

**LIQA' USBU'I** - Masjid Sultan Hassan, Setiap Jumaat (ikhwah)  
Agenda: Solat Jumaat + Kuliah dari Prof Dr Ali Gom'ah (Mufti Mesir)**TAFALQUH FID DIN :**  
dikendalikan oleh Sheikh Nuruddin Marbu Banjari Al-Makki – sepanjang Ramadan: selepas asar (Qawaid Fiqh) 8.15 malam (Hadith)**HARI KELUARGA PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR.**

Pada 8 Okt 2004 yang lalu telah diadakan sambutan Hari Keluarga Pelajar Perubatan Malaysia-Mesir. Majlis yang diadakan buat julung julung kalinya ini telah dirasmikan oleh Pengarah JPMK, Ust Abu Bakar Wan Dagang. Bertempat di Dewan Malaysia Abbasiah, perjumpaan kali ini boleh dikatakan lebih tersusun dan turut diserikan dengan kehadiran 2 orang pegawai dari pihak JPA dan JAIM. Alhamdulillah, kedatangan pelajar adalah memuaskan walaupun terdapat sedikit kelewatan pada awal majlis.

Sdr Salman Amiruddin bertindak selaku pengerusi majlis pada hari tersebut. Perjumpaan dimulakan dengan bacaan doa oleh Sdr Mohd Hamdan Saparwan sebelum sesi bertaaruf bermula. Seterusnya diikuti oleh penyampaian forum oleh Sdr Mohd Nasri Abu Bakar yang bertajuk 'Anda Ingin Berjaya di Mesir?'. Dr Hamidah Budin kemudiannya menyusul dengan pembentangan bertajuk 'Future In Medical Profession'.

Majlis ditangguhkan pada waktu solat Jumaat dan makan tengahari. Pada sebelah petang pula perlantikan Ahlijawatankuasa bagi sesi 2004/2005 telah diadakan.. Sdr Izwan Kamal bertindak selaku Pengerusi tetap, mengatur perjalanan proses pengundian. Majlis berakhir kira kira pada pukul 4 petang. Diharapkan majlis seperti ini dapat diteruskan pada tahun tahun akan datang sekaligus mengeratkan ukhuwah islamiah sesama pelajar. Tahniah juga buat AJK sesi 2003/04 yang bertungkus lumus memastikan kelancaran majlis kali ini.